

70 peratus kebakaran hutan dipadam

Gelang Patah: Tujuh puluh peratus kawasan hutan yang terbakar di Jalan Tanjung Adang, Kampung Pekajang, di sini, berjaya dipadamkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) setakat, semalam.

Komander Operasi, Mohd Faizul Selamat, yang juga Ketua Zon 1 JBPM Johor berkata, kawasan yang berjaya dipadamkan itu membabitkan keluasan kira-kira 11.2 hektar.

Menurutnya, seramai 140 anggota kini sedang berusaha memadamkan api di baki kawasan yang masih terjejras.

"Setakat ini keadaan terkawal, kebakaran bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang, sudah dipadamkan.

ANGGOTA penyelamat giat memadam kebakaran hutan di Kampung Pekajang. Gambar dalam bulatan, Kit Siang melawat kawasan kebakaran.



"Parit atau fire breaker sepanjang tiga kilometer sudah digali dan air juga sudah dialirkan sebagai usaha mengawal kebakaran daripada terus merebak," katanya di Pusat Operasi Bomba di Balai

Raya Kampung Tanjung Adang, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon dan Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim

Kit Siang,

Rabu lalu, kawasan hutan tanah gambut seluas 16.18 hektar yang juga tanah berhak milik untuk tujuan pertanian di Kampung Pekajang dan Kampung Tanjung Adang terbakar.